

## PERKEMBANGAN FIQH SYAFI'I ERA MILENIUM: KAJIAN FATWA-FATWA SEMASA DI MALAYSIA

*The Development of Fiqh Syafi'i In The Millennium Era: A Study Of Current Issues in Malaysia*

<sup>i</sup>Anhar Opir, <sup>ii\*</sup>Zubair Amir Nur Rashid, <sup>iii</sup>Alifah Ilyana Hamizan

<sup>i</sup>Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor 40000 Shah Alam, Selangor, [anhar@muftiselangor.gov.my](mailto:anhar@muftiselangor.gov.my).

<sup>ii</sup>Pegawai Penyelidik, Jabatan Mufti Negeri Selangor 40000 Shah Alam, Selangor, [zubair@muftiselangor.gov.my](mailto:zubair@muftiselangor.gov.my).

<sup>iii</sup>Pegawai Penyelidik, Jabatan Mufti Negeri Selangor 40000 Shah Alam, Selangor, [alifah@muftiselangor.gov.my](mailto:alifah@muftiselangor.gov.my).

\*(Corresponding author) e-mail: [zubair@muftiselangor.gov.my](mailto:zubair@muftiselangor.gov.my)

### ABSTRAK

Perkembangan pesat yang berlaku dalam persekitaran kehidupan manusia era kini menjadi faktor timbulnya banyak permasalahan baru serta memerlukan kepada ijtihad daripada para fuqaha. Di Malaysia, institusi fatwa terikat dengan enakmen-enakmen di negeri masing-masing yang mengikat keputusan fatwa agar memberikan keputusan dengan mengikut pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafi'i. Walau bagaimanapun, bagi situasi tertentu, Jawatankuasa Fatwa dibenarkan membuat keputusan dengan bertaklid kepada pandangan yang lemah dalam mazhab atau bertaklid kepada mazhab lain dengan mengambil kira pertimbangan masalah masyarakat setempat. Objektif penulisan ini adalah bagi mengkaji dan menganalisis perkembangan, penyusunan dan ijtihad-ijtihad baharu dalam fiqh Syafi'i khususnya dalam institusi kefatwaan di Malaysia dalam mendepani isu-isu fiqh kontemporari. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan iaitu dengan merujuk kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa serta mengkaji asas keputusan tersebut dikeluarkan. Data tersebut seterusnya dianalisis dengan melihat kepada isu-isu terpilih bagi melihat pengamalan fiqh Syafi'i khususnya dalam kefatwaan di Malaysia bagi mendepani isu-isu semasa pada era milenium ini. Hasil kajian mendapati bahawa perkembangan fiqh Syafi'i di Malaysia dizahirkan melalui penghasilan penulisan, kajian, serta keputusan fatwa seiring dengan perkembangan semasa. Pandangan *marjuh* dalam mazhab boleh digunakan dalam memberikan fatwa apabila terdapat keperluan. Penentuan sesuatu hukum hendaklah mengambil kira beberapa kriteria daripada *waqi'*, pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah*, serta konsep darurat bagi memberikan keputusan yang sesuai untuk masyarakat di Malaysia.

**Kata Kunci:** mazhab Syafi'i; era milenium, fatwa semasa

### ABSTRACT

The swift evolution of the human environment is a contributing element to the rise of several novel issues, necessitating the evaluation of jurists' perspectives. The laws that each state has passed bind fatwa institutions in Malaysia, requiring them to make decisions based on the final viewpoint of the Syafi'i sect. However, for certain circumstances, the Fatwa Committee may decide based on the *marjuh* opinions of the jurist by considering the local community's *maslahah* and needs. The objective of this paper is to examine and evaluate the growth, compilation, and new ijtihads in Syafi'i jurisprudence, particularly as they relate to modern jurisprudence difficulties and the Malaysian fatwa institution. Through a survey of the literature,

this study employs a qualitative methodology to analyze the decision-making process and makes reference to the fatwas issued by the Fatwa Committee. The practice of Syafi'i jurisprudence is then examined by examining a subset of the data, particularly in fatwas issued in Malaysia to address contemporary concerns in the new millennium. The results of the study found that Syafi'i jurisprudence continues to develop in Malaysia with the production of writings, studies, and fatwa decisions in line with current developments. The determination of a *hukm* must take consider several criteria from such as *waqi'*, considerations between *maslahah* and *mafsadah*, as well as the concept of *darurah* to provide a suitable fatwa for society in Malaysia.

**Keywords:** Syafi'i schools; millenium era; current fatwa

## PENDAHULUAN

Ilmu fikah merupakan ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amali atau praktikal yang diambil dari dalil-dalil *tafsili*. Ilmu ini diambil daripada sumber-sumber yang disepakati dan sebahagiannya tidak disepakati oleh para ulama. Sumber yang disepakati adalah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan *Qiyas*, manakala sumber yang tidak disepakati seperti *Maslahah Mursalah*, *Istihsan*, *'Uruf* dan lain-lain. Perselisihan pandangan antara mazhab berlaku disebabkan kaedah usul dan istinbat yang berbeza dalam memahami nas. Perkara itu merupakan lumrah dan fitrah yang juga menjadi suatu rahmat bagi umat.

Perbezaan hukum tidak berlaku semasa zaman Rasulullah SAW kerana ia terarah kepada satu sumber hukum dek keberadaan Baginda SAW pada waktu tersebut dan ia direalisasikan pada tempat serta zaman yang sama. Idealism fiqh ketika itu adalah bersumberkan wahyu secara langsung daripada Allah SWT melalui al-Quran dan al-Sunnah. Rentetan daripada perkembangan Islam yang merentas peredaran zaman dan bersifat global, telah mengakibatkan perbezaan banyak berlaku kerana kelainan kaedah pentafsiran disebabkan kelainan kefahaman atau nilai intelektual yang mempengaruhi akibat perbezaan persekitaran hidup namun masih kekal berpandukan idealism fiqh yang asas. Ekoran daripada hal tersebut, keperluan kepada ijtihad-ijtihad para fuqaha adalah sesuatu perkara yang mustahak dan ia merupakan salah satu usaha bagi mendinamisasikan hukum Islam.

Keterikatan institusi fatwa dengan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Islam di negeri-negeri di Malaysia agar memberikan keputusan mengikut pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafi'i, menjadikan institusi tersebut terlihat sedikit bersifat konservatif namun dari sudut pandang yang lain keterikatan ini telah menjadi medium yang ampuh bagi mengelakkan daripada berlakunya kecelaruan dalam memberikan fatwa untuk orang awam.

Dalam mendepani era milenium, para ulama sentiasa memberikan solusi kepada masalah-masalah yang mendatang melalui konsep bermazhab. Hal ini kerana kaedah berinteraksi dengan nas al-Quran dan al-Sunnah telah disusun oleh ulama Usul al-Fiqh mengikut neraca mazhab masing-masing bagi membuahakan kefahaman yang benar terhadap kehendak nas. Masyarakat Malaysia telah berasimilasi dengan mazhab Syafi'i dalam fikah sejak awal sampainya Islam di Tanah Melayu melalui pendakwah-pendakwah yang datang daripada tanah arab.<sup>1</sup> Artikel ini ditulis bagi menghuraikan perkembangan mazhab Syafi'i dalam kefatwaan

---

<sup>1</sup> Zulkifli Muhammad al-Bakri. 2011. Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa. (Monograf al-Ifta' Siri 2) disunting oleh Hajah Wan Morsita Wan Sudin (eds.), 56-88. Selangor: JAKIM.

khususnya dalam mendepani permasalahan masyarakat di Malaysia. Kajian ini akan mensoroti kepelbagaian pandangan ulama mazhab Syafi'i serta pentarjihannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam sebahagian isu yang tidak berpandukan kepada pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafi'i. Keperluan-keperluan tertentu melalui penilaian 'uruf semasa mendorong keputusan itu dilakukan untuk kemaslahatan masyarakat.

## PERKEMBANGAN MAZHAB SYAFI'I

Mazhab Syafi'i diasaskan oleh Muhammad bin Idris As-Syafi'i atau dikenali sebagai Imam al-Syafi'i. Beliau dilahirkan pada tahun 150H dan meninggal dunia pada tahun 204H. Beliau merupakan seorang alim, *faqih*, *usuli*, *muhaddith* dan sebagainya. Dilahirkan di Gaza, Palestin pada tahun yang sama pemergian Imam Abu Hanifah. Kelebihan beliau telah menonjol sejak usia muda antaranya adalah menghafaz al-Quran ketika berumur 7 tahun, menghafaz kitab hadis al-Muwatta' ketika berumur 10 tahun serta diberi izin oleh para ulama Mekah untuk memberi fatwa tatkala beliau berumur 15 tahun. Imam al-Syafi'i mempunyai anak murid yang ramai di serata tanah Arab, seperti di Iraq, Mesir, dan sebagainya.

Setelah kewafatan Imam al-Syafi'i, telah berlaku satu fasa yang dinamakan sebagai fasa Periwayanan Mazhab dan Pengukuhan yang berlaku antara tahun 204H hingga tahun 505H. Mazhab Syafi'i dikembangkan oleh anak murid beliau yang membawa mazhab gurunya dan meriwayatkannya ke serata dunia. Antara yang terkenal ialah Abu Ya'qub Al-Buwayṭi (wafat 231H), Abu Ibrahim Ismail bin Yahya Al-Muzani (wafat 264H) dan Rabi' bin Sulaiman Al-Muradi (wafat 270H). Dalam fasa periwayanan mazhab Syafi'i ini, timbul dua aliran utama iaitu aliran 'Iraqi yang dipelopori oleh Imam Abu Hamid Al-Isfirāyīni (406H) dan aliran *Khurāsānī* yang dipelopori oleh Imam Abu Bakar Al-Marūzi (417H). Setelah itu, mazhab ini dikembangkan oleh beberapa tokoh seperti Imam Haramain al-Juwaini, Imam al-Ghazali dan lain-lain.

Para ulama mazhab Syafi'i terus berkhidmat kepada mazhab ini sehingga berlaku fasa berikutnya yang disebut sebagai fasa Pengukuhan Mazhab dan Pentarjihan antara tahun 505H - 1004H iaitu setelah kewafatan Imam al-Ghazali. Fasa ini dimulakan oleh Imam Ar-Rafi'i (623H) melalui kitabnya *Al-Muharrar* dan Imam An-Nawawi (676H) melalui kitabnya *Minhāj At-Ṭalibin Wa 'Umdah al-Muḥtāḥ* yang menjadi rujukan utama kefatwaan dalam mazhab Syafi'i hingga ke hari ini. Fuqaha mutaakhirīn mazhab Syafi'i semisal Syeikhul Islam Zakariyya al-Ansari (926H), Imam Ibn Hajar al-Haythami (974H), Imam al-Ramli (1004H) dan sebagainya terus berkhidmat menghuraikan matan-matan penting dalam mazhab Syafi'i seperti matan *Minhāj At-Ṭalibin* atau selainnya, sama ada melalui syarahan (*syurūh*) atau hasyiah-hasyiah (*hawāsyī*) dalam tulisan mereka.<sup>2</sup>

Kini, mazhab Syafi'i dikembangkan melalui penulisan-penulisan moden dengan penyusunan tajuk dan bab serta menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami oleh masyarakat. Penulisan seperti ini boleh dilihat dalam kitab-kitab fiqh Syafi'i kontemporari seperti *Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab Imām al-Syāfi'i* karya Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali Syarbaji, *Al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Syāfi'i* karya Syeikh Muhammad al-Zuhaili, *Taqrīrāt al-Sadīdah Fi al-Masā'il al-Muḥtāḥ* karangan Syeikh Hassan bin Muhammad bin

<sup>2</sup> Akram Yusuf Muhammad al-Qawāsī, *al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, (Jordan: Dar al-Nafāis, 2003) 275.

Ahmad al-Kaf dan sebagainya. Begitu juga penulisan ilmuan Nusantara seperti kitab *Furū' al-Masā'il wa Usūl al-Wasā'il* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Baḥr al-Māzī* karangan Syeikh Idris Al-Marbawi dan sebagainya. Tidak kurang juga tokoh-tokoh asatizah tempatan masa kini turut mengarang pelbagai buku yang menjadi rujukan masyarakat awam seperti *Indahnya Hidup Bersyariat* oleh al-Marhum Dato' Ismail Kamus, *Misbah al-Duja* karangan Ustaz Muhadir Joll, *Soal Jawab Fiqh Ibadah* karangan Ust Abu Usamah Mohd Hanafiah dan lain-lain penulisan yang tidak dapat disebutkan kesemuanya. Manhaj penulisan moden khususnya dalam fiqh Syafi'i disediakan dengan susunan yang memudahkan, bergambar, juga disertakan bersama dalil-dalil ringkas yang boleh difahami oleh masyarakat awam. Jabatan Mufti Negeri Selangor turut menyumbangkan beberapa penulisan ilmiah dan menyediakan garis panduan bagi menjelaskan hukum syarak mengikut neraca mazhab Syafi'i dalam penulisan artikel seperti *Taudih al-Hukmi*, serta penterjemahan risalah-risalah seperti *Fiqh Puasa dan Fiqh Ibadah Korban*.

## FATWA-FATWA SEMASA FIQH SYAFI'I

Era bermaksud jangka masa tertentu yang dianggap mempunyai sesuatu keistimewaan. Manakala perkataan 'milenium' ialah suatu tempoh masa yang sama dengan satu ribu tahun atau disebut juga sebagai alaf.<sup>3</sup> Istilah alaf berasal dari bahasa Arab *alfu* manakala istilah milenium berasal dari bahasa Inggeris *millennium*. Dalam penulisan ini, era milenium merujuk kepada pada abad ke-20 iaitu tahun 2000 dan keatas. Ia merupakan suatu tempoh terkini yang mempunyai keistimewaan tertentu berbanding masa lalu seperti revolusi industri, kemajuan sains dan teknologi, cara hidup masyarakat, globalisasi dan sebagainya. Perkembangan ini datang bersama pelbagai permasalahan baharu yang memerlukan kepada penjelasan hukum syarak.

Di Malaysia, mazhab Syafi'i merupakan mazhab yang digunakan dalam kefatwaan. Sebagai contoh, di negeri Selangor perkara ini disebut di dalam Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003, Seksyen 54(1):

*“Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie”.*

Di Malaysia, fiqh Syafi'i telah berkembang seiring dengan perkembangan zaman yang menuntut kepada penjelasan hukum syarak. Para mufti di Malaysia melalui Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) telah mengeluarkan keputusan-keputusan berkenaan pelbagai isu berdasarkan mazhab Syafi'i dan sebahagiannya pula merentas mazhab Syafi'i yang merupakan mazhab yang diamalkan di Malaysia. Beberapa contoh di era ini dalam isu-isu semasa adalah:

### 1. Jual-Beli Serah Terima (*Bai' al-Mu'āṭah*)

<sup>3</sup> Dewan Bahasa & Pustaka diakses daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=milenium>

Jual beli tanpa akad sudah menjadi transaksi lazim dalam urusan bisnes secara atas talian (online) mahupun bisnes berasaskan mesin digital yang lain. Dengan berkembangnya teknologi masa kini, telah membuatkan dunia perdagangan semakin mengalami perubahan corak tersendiri sehingga kepada hal-hal yang lebih bersifat praktis, dimana teknik pelaksanaannya tidak lagi menggunakan lafaz “ijab dan qabul”, bahkan ada yang menggunakan sistem komputer dan internet, walaupun masih terdapat sebahagian masyarakat yang menggunakan cara tradisional dengan melafazkan ijab dan qabul. Jual beli urban yang tidak menggunakan ijab dan qabul dalam istilah fikah ini dinamakan “jual beli *mu’athah*”.

*Bai’ al-mu’āṭah* bermaksud jual beli tanpa menyebut lafaz ijab dan qabul. Sebagai contoh, penjual menjual barangnya tanpa menyebut lafaz ijab (aku jual barang ini) manakala si pembeli juga tidak menyebut lafaz qabul (aku terima atau aku beli). Menurut mazhab Syafi’i, ia dihukumkan sebagai tidak sah kerana tidak mempunyai lafaz ijab dan qabul. Walau bagaimanapun, pengamalan masyarakat di negara kita bertaqlid kepada mazhab Hanafi yang menghukumkan jual beli tersebut sebagai sah kerana ‘urf masyarakat menerimanya.<sup>4</sup>

Kegiatan seperti ini sering dilakukan di kebanyakan pasar raya yang tidak ada proses tawar menawar di dalamnya. Dalam hal ini, pihak pembeli telah mengetahui harga barang yang dicantumkan pada barang tersebut dan kemudian si pembeli datang ke kaunter pembayaran dengan menunjukkan bukti bahawa transaksi jual beli telah dilakukan. Begitu juga ijab dan qabul berlaku apabila penjual mengimbas (*scan*) sesuatu barang, dan pembeli membayar kepadanya secara tunai atau medium pembayaran yang lain tanpa menyebut apa-apa lafaz.

Ia juga diaplikasikan melalui penjualan daripada *vending machine* di mana apabila pembeli memasukkan duit ke dalam mesin, lalu mesin mengeluarkan barangan tersebut tanpa mengeluarkan apa-apa lafaz. Begitu juga transaksi pembayaran melalui mesin ATM, seperti pembayaran bil elektrik dan air, pemesanan dan pembelian tiket melalui internet, jual beli saham melalui internet dan sebagainya.

Ini membuktikan bahawa konsep *tarāḍī* berlaku antara kedua pihak penjual dan pembeli secara ‘urf, sekalipun tidak menyebutkan lafaz ijab dan qabul secara jelas.

## 2. Solat Jamak kerana Sakit

Sakit adalah ujian daripada Allah SWT kepada hamba-hambanya serta mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Nabi SAW sendiri tidak terkecuali daripada diuji oleh Allah SAW dengan rasa sakit. Peristiwa Nabi SAW diuji dengan rasa sakit disebutkan dalam beberapa hadis antaranya adalah sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas’ud R.A:

دَخَلْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُوعَاثُ ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّكَ لَتُوعَاثُ  
وَعَاثًا شَدِيدًا ، قَالَ : أَجَلَ إِيَّيْ أَوْعَاثُ كَمَا يُوعَاثُ رَجُلَانِ مِنْكُمْ ، قُلْتُ : ذَلِكَ أَنَّ لَكَ أَجْرَيْنِ

<sup>4</sup> Zayn al-Din Bin Ibrāhīm bin Muhammad Ibn Nujaym. *Al-Bahr al-Rāiq Sharh Kanz al-Daqāiq*. (Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb, t.t.) 5:292.

قَالَ : أَجَلٌ ذَلِكَ كَذَلِكَ، مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصِيبُهُ أَدَى، شَوْكَةٌ فَمَا فَوْقَهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا سَيِّئَاتِهِ  
كَمَا تَحْتَ الشَّجَرَةِ وَرَفَقَهَا

*Maksudnya: Aku pernah menemui Rasulullah SAW ketika beliau sedang sakit, lalu aku berkata: "Wahai Rasulullah, engkau sedang mengalami sakit yang amat berat." Baginda bersabda: "Benar, rasa sakit yang menimpaku ini sama sepertimana rasa sakit yang menimpa dua orang daripada kamu." Aku kemudian berkata: "Sebab itu engkau mendapat dua pahala?" Baginda menjawab: "Benar, seperti itulah. Tidaklah seorang muslim yang tertimpa suatu musibah (penyakit) atau yang lain, melainkan Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya sepertimana pohon menggugurkan dedaunannya."<sup>5</sup>*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sakit merupakan suatu kesukaran atau *masyaqqah* yang diambil kira oleh syarak. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa keringanan yang diberikan oleh syarak seperti solat sambil duduk, berbaring serta menggunakan isyarat mata. Dalam isu mengambil *rukhsah* solat jamak, menurut pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafi'i, solat jamak hanya boleh dilaksanakan kerana musafir dan hujan.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor Tahun 2002 telah memutuskan bahawa harus menjamakkan solat kerana menjalani rawatan penyakit kronik yang memakan masa yang lama.<sup>7</sup> Keputusan yang sama turut dipraktikkan oleh kebanyakan negeri dan dimasukkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam *Panduan Bersuci & Bersolat Bagi Pesakit*. Keputusan ini dibuat dengan merujuk kepada *ikhtiar* Imam al-Nawawi dan sebahagian ashab al-Syafi'iyah, berdasarkan umum hadis Ibn Abbas RA:

جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَبَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ  
وَلَا مَطَرٍ

*Maksudnya: Rasulullah SAW pernah menghimpunkan (jamak) solat zohor dan asar, maghrib dan isya' bukan disebabkan takut (kerana peperangan), dan tidak hujan.<sup>8</sup>*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Syeikh Zainuddīn al-Malībārī dalam kitab *Fathul Mu'īn* menjelaskan bahawa:

<sup>5</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (Damsyik: Dar Ibn Kathir 1993) hadis no. 1503; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Turki: Dar Al-Tiba'ah Al-'Amarah) hadis no. 5648; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 48, 'Bāb Lā Zakāh 'Alā al-Muslim fī 'Abdihi wa Farasihi,' ḥadīth no. 6724

<sup>6</sup> Syihāb al-Dīn al-Ramlī. *Fath al-Raḥmān Bi Syarḥ Zubad Ibn Ruslān* (Beirut: Dār al-Fikr, 2009) 374.

<sup>7</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Tahun 2002. Diakses daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-hukum-sembahyang-jama-kerana-menjalani-rawatan-penyakit-penyakit-kronik-di-hospital-kerajaan-dan-swasta/>

<sup>8</sup> al-Nawāwī, *Syarḥ al-Nawawī 'ala Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā' Turath 'Arabiy 1392H) 5:213.

وَضَبَّطَ جَمْعَ مُتَأَخِّرُونَ الْمَرَضَ هُنَا بِأَنَّهُ مَا يَشُقُّ مَعَهُ فَعَلَّ كُلِّ فَرَضٍ فِي وَقْتِهِ، كَمَشَقَّةِ الْمَشْيِ فِي الْمَطَرِ بِحَيْثُ تَبَتَّلَ ثِيَابُهُ. وَقَالَ آخَرُونَ: لَا بُدَّ مِنْ مَشَقَّةٍ ظَاهِرَةٍ زِيَادَةً عَلَى ذَلِكَ، بِحَيْثُ تُبِيحُ الْجُلُوسَ فِي الْفَرَضِ وَهُوَ الْأَوْجَهُ

*Maksudnya: Ulama mutaakhirin juga telah membatasi sakit yang boleh melakukan jamak di sini adalah sakit yang menjadikan seseorang itu sukar melakukan solat fardu pada setiap waktu. Batasan tersebut sama seperti berjalan untuk menunaikan solat berjemaah semasa hujan turun yang menyebabkan baju basah. Ulama lain berpendapat bahawa masyaqqah sakit itu harus benar-benar tampak lebih dari itu. Ukurannya adalah sekiranya sakit tersebut menyebabkan kebolehan untuk menunaikan solat sambil duduk. Demikian ini pandangan yang paling awjuh.<sup>9</sup>*

### 3. Membayar Zakat Fitrah dengan Nilai

Zakat fitrah wajib dikeluarkan dalam bentuk makanan asasi penduduk sesebuah negeri mengikut pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i.<sup>10</sup> Hal ini berdasarkan zahir hadis daripada Ibnu Umar RA berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ: عَلَّلَعْبَدٍ وَالْحُرِّ وَالذَّكْرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ الصَّلَاةِ

*Maksudnya: Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah dengan satu gantang kurma atau satu gantang gandum ke atas hamba, orang yang merdeka, lelaki dan perempuan, kanak-kanak dan orang dewasa daripada kalangan kaum muslimin. Baginda memerintahkan agar zakat tersebut ditunaikan sebelum orang ramai berangkat menuju solat hari raya Aidilfitri.<sup>11</sup>*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Namun begitu, menurut pengarang *Mastika Hadis*, ketika adanya keperluan, atau diperintahkan oleh pihak yang berkuasa, maka diharuskan membayarnya dengan wang sebagai ganti makanan beras.<sup>12</sup> Sebagai contoh, Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tahun 2022 mengeluarkan penetapan kadar bayaran zakat fitrah adalah mengikut harga jualan runcit 1kg bagi Super Special Tempatan 5 yang ditetapkan oleh PadiBeras Nasional Berhad

<sup>9</sup> Al-Malibārī, *Fathul Mu'in bi Syarh Qurratu Al-'Ain bi Muhimmāt Al-Dīn*, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2010) 213.

<sup>10</sup> al-Nawawī, *al-Majmū' Sharh al-Muhadzdzab*, (Amman: Dar al-Fikr, 1928) 6:132.

<sup>11</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (Damsyik: Dar Ibn Kathir 1993) hadis no. 1503; Muslim, *Ṣahīh Muslim*, (Turki: Dar Al-Tiba'ah Al-'Amarah) hadis no. 984.

<sup>12</sup> Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, Ismail bin Haji Yusof, Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Mastika Hadis*. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, 2011) *Al-Ithaarah* Pada Huraian Hukum-hukum Zakat dan Fitrah.

(BERNAS).<sup>13</sup> Berdasarkan fatwa ini, zakat fitrah itu dibayar berdasarkan nilai beras yang biasa dimakan oleh masyarakat kepada Lembaga Zakat Selangor dan bukannya mengeluarkan beras itu sendiri sebagai zakat fitrah. Keputusan ini berdasarkan pandangan mazhab Hanafi dan sebahagian ulama bermazhab Syafi'i yang mengharuskan zakat fitrah ditunaikan dalam bentuk nilai. Ia juga lebih bertepatan dengan tujuan asal zakat itu iaitu menggembirakan fakir miskin.<sup>14</sup>

Tambahan pula menurut ijtihad ulama-ulama fikah zaman moden ini, zakat fitrah yang diberikan dengan nilai lebih memudahkan urusan menyampaikan zakat tersebut kepada penerima yang betul-betul berhak serta memudahkan penerima-penerima zakat membelanjakannya sesuai keperluan yang pelbagai dan bukannya sekadar menerima makanan ruji. Justeru sekiranya terdapat masalah yang lebih lagi maka diharuskan menunaikan zakat tersebut dengan nilai meskipun bersandarkan kepada pandangan mazhab yang lain. Juga sebagaimana ia telah difatwakan dalam sesebuah negara maka adalah wajib daripada setiap pengeluar zakat berniat mengikut pandangan tersebut.

#### 4. Wudhu Pesakit yang Berbalut

Sebahagian daripada kita diuji oleh Allah SWT dengan sakit sehingga menyebabkan sebahagian anggotanya perlu dibalut. Menurut mazhab Syafi'i, sekiranya anggota yang dibalut itu adalah anggota tayamum iaitu muka dan tangan hingga ke siku, maka *taharah* mereka dihukumkan sebagai *Istibahah al-Ṣalāh* untuk mengharuskan solat dan solat yang dilakukan dengan *taharah* ini mestilah diulang kecuali dia telah berwuduk terlebih dahulu sebelum dibalut.<sup>15</sup> Memandangkan sakit merupakan suatu *masyaqqah*, maka *Panduan Bersuci & Bersolat Bagi Pesakit* terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bertaqlid kepada mazhab Maliki yang menghukumkan solat dengan *taharah* dalam situasi ini tidak perlu diulang bagi memudahkan masyarakat serta menggalakkan mereka terus beribadah walaupun dalam keadaan sakit.<sup>16</sup> Isu-isu melibatkan perubatan atau muamalat lebih terbuka kepada pandangan lain berbanding isu ibadat.

#### 5. Jemaah Mastautin Untuk Solat Jumaat

Dalam isu mendirikan solat Jumaat, telah diketahui bahawa antara syarat sah solat Jumaat adalah ia hendaklah didirikan oleh jemaah *mustautin* berjumlah 40 orang lelaki *mukallaf*.<sup>17</sup> Dalam semua keadaan, seseorang individu tidak akan terlepas daripada tiga kategori iaitu:

- **Mastautin** ialah individu yang berniat menetap selama-lamanya di suatu tempat dan tidak akan berpindah ke tempat lain sama sekali.<sup>18</sup>

<sup>13</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Kadar zakat fitrah bagi tahun 1443H/2022M.

<sup>14</sup> Wahbah Al-Zuhaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, (Beirut: Dar al-Fikr 1989), 3:2044.

<sup>15</sup> Wahbah Al-Zuhaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*. (Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr, 1989) 1:503.

<sup>16</sup> Wahbah Al-Zuhaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*. (Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr, 1989) 1:507.

<sup>17</sup> Shamsuddīn Muhammad Bin Ahmad Al-Khātib Al-Sharbīnī Al-Shafi' (m. 977H). *Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma'rifati Ma'ānī Al-Āfāz Al-Minhāj*. (Kaherah: Dār Al-Kutub Al-Islamiyyah, 1994) 1:545.

<sup>18</sup> Al-Ansārī. Abū Yahya Zakariyya. *Asnā al-Ma'ālib Syarḥ Rawḍ at-Tālib*. (Dar al-Kutub al-Islamiyy, t.t.) 1:249.



- **Muqim** ialah individu yang tinggal di suatu tempat selama empat hari atau lebih walaupun dalam tempoh yang lama dan tidak berniat untuk kekal selama-lamanya di situ.
- **Musafir** ialah individu yang melakukan perjalanan melebihi dua marhalah (81 km) dan tidak bermukim di mana-mana tempat melebihi tiga hari selain hari masuk dan keluar.

Walau bagaimanapun, sesetengah kawasan di Malaysia tidak mempunyai penduduk yang menepati definisi mastautin dalam kitab fikah seperti penduduk di bandaraya Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sebilangan besar daripada jemaah yang mendirikan solat Jumaat di situ tidak bermastautin di kawasan tersebut tetapi bermukim di kawasan lain dan hanya bekerja di tempat tersebut. Malah sesetengah masjid seperti di Masjid Negara, tidak mempunyai kariah atau penduduk yang menetap di sekitarnya menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan jumlah 40 orang mastautin yang merupakan syarat sah solat Jumaat. Natiujahnya daripada situasi ini boleh menyebabkan keseluruhan solat Jumaat yang dilakukan oleh jemaah di masjid tersebut tidak sah. Berdasarkan masalah ini, terdapat keperluan untuk Jawatankuasa Fatwa mencari pandangan-pandangan yang *marjūh* dalam mazhab bagi memberikan solusi. Dalam mencari penyelesaian tersebut, Muzakarah Pakar anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor yang bersidang pada 2 November 2023 telah mengeluarkan satu resolusi iaitu:

“Tempat yang mempunyai jemaah *mustautin* kurang daripada 40 orang atau tiada langsung jemaah *mustautin*, individu *muqim* boleh diambil kira bagi mencukupkan jumlah jemaah tersebut berdasarkan pandangan yang mengharuskannya. Ini berdasarkan pendapat seorang ulama bermazhab al-Shafi’i (Ashab al-Shafi’i) yang bernama Syeikh Abu Ali bin Abi Hurairah (w. 345H)”

Memandangkan jumlah jemaah yang melakukan solat Jumaat itu adalah ramai, maka berdasarkan pandangan ini, individu *muqim* boleh diambil kira bagi mencukupkan jumlah 40 orang. Perkara ini disebutkan oleh Imam al-Nawawi dalam kitabnya al-Majmu’:

وهل تنعقد بمقيمين غير مستوطنين ؟ فيه وجهان , قال أبو علي بن أبي هريرة : تنعقد بهم ؛ لأنه تلزمهم الجمعة فانعقدت بهم كالمستوطنين , وقال أبو إسحاق : لا تنعقد ؛ لأن النبي صلى الله عليه وسلم { خرج إلى عرفات ومعه أهل مكة , وهم في ذلك الموضع مقيمون غير مستوطنين } فلو انعقدت بهم الجمعة لأقامها

*Maksudnya: Adakah solat Jumaat berlaku dengan orang yang bermuqim dan tidak bermastautin? Terdapat dua wajah, Abu ‘Ali bin Abu Hurayrah berkata: Berlaku solat Jumaat kerana mereka (orang muqim) diwajibkan Jumaat ke atas mereka, maka berlaku juga solat Jumaat dengan kehadiran mereka seperti orang yang bermastautin. Abu Ishak berkata: Tidak berlaku kerana Nabi SAW (keluar ke padang Arafah dan bersama Baginda ahli Mekah, mereka berada disitu sebagai orang yang bermukim dan bukannya*

*mastautin) Jika berlaku Jumaat, nescaya Baginda akan mendirikan solat Jumaat bersama mereka.*<sup>19</sup>

Walaupun pandangan ini bukanlah pandangan yang muktamad dalam mazhab, pandangan ini boleh mengelakkan banyak masjid atau surau diri Jumaat ditutup apabila di kariah tersebut tidak mempunyai jemaah yang menepati kriteria seorang mastautin yang disebutkan oleh ulama fekah. Oleh itu, *masalah* memastikan solat Jumaat didirikan di kawasan tersebut bagi masyarakat dijadikan sebagai kayu ukur dalam pemilihan pandangan para ulama.

## 6. Pengambilan Suntikan Pada Siang Ramadhan

Para ulama telah membincangkan berkenaan hukum mendapatkan suntikan ketika siang bulan Ramadhan dalam dua keadaan iaitu:

- a) Jika suntikan itu suntikan yang mendatangkan khasiat dan tenaga maka ianya membatalkan puasa. Perbuatan menyuntik tenaga ke dalam badan dikiaskan dengan perbuatan makan minum dengan sengaja yang jelas boleh membatalkan puasanya berdasarkan dalil daripada al-Quran.<sup>20</sup>

Hal ini berbeza dengan makan minum dengan tidak sengaja yang tidak membatalkan puasanya berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah RA:

مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ فَلَيْسَ بِصَوْمِهِ فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللَّهُ وَسَقَّاهُ

*Maksudnya: Sesiapa yang terlupa dalam keadaan puasa kemudian dia makan atau minum maka sempurnakanlah puasanya. Sesungguhnya Allah yang memberinya makan dan minum.*<sup>21</sup>

(Riwayat Muslim)

Imam al-Nawawi menyatakan bahawa hadis ini menjadi dalil bagi kebanyakan ulama. Jika seseorang makan atau minum atau berjimak dengan tidak sengaja ketika siang bulan Ramadhan maka ianya tidak membatalkan puasa.<sup>22</sup> Berbeza dengan suntikan yang mendatangkan khasiat dan tenaga di siang hari bulan Ramadhan yang kebiasaannya dilakukan secara sengaja maka ia membatalkan puasa. Inilah yang dinyatakan oleh Imam Al-Nawawi di dalam karyanya Al-Majmu'.<sup>23</sup>

- b) Jika suntikan itu bukan suntikan yang mendatangkan khasiat dan ianya adalah untuk tujuan perubatan maka perlu dilihat dan diperincikan:

<sup>19</sup> Al-Nawāwī, *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab*, (Kaherah: Idārah Al-Ṭhibā'ah Al-Munīriyah) 4:502.

<sup>20</sup> Surah al-Baqarah, 2: 187.

<sup>21</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (Damsyik, Syria: Dar Ibn Katsir, 1993) hadis no. 1831.

<sup>22</sup> Al-Nawāwī, *Syarh al-Nawawī 'ala Muslim*, (Beirut, Lubnan: Dār Iḥyā' Turath 'Arabiyy, 1972) 8:35.

<sup>23</sup> Al-Nawāwī, *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab*, (Kaherah: Idārah Al-Ṭhibā'ah Al-Munīriyah, 1929) 6:313.

- Jika suntikan itu melalui urat yang bersambung dengan rongga. Ini kerana ia menyebabkan ubat itu sampai kepada rongga. Maka ianya membatalkan puasa. Kata Imam Al-Nawawi: *Jika ia mengubati atau merawat lukanya lalu ubat tersebut sampai kepada rongganya maka ianya membatalkan puasa di sisi kami.*<sup>24</sup>

Ini adalah pandangan kebanyakan ulama Syafi'iyah, Hanafiah dan sebahagian ulama bermazhab Hanbali. Syeikh Mansur Al-Buhuti ada menyebutkan: *Yang merosakkan (membatalkan puasa) ialah menyuntik sesuatu melalui dubur. Ini adalah perbuatan yang membatalkan puasa kerana ia menyebabkan benda itu sampai ke rongga. Ia adalah seperti memasukkan sesuatu ke dalam rongga secara terus. Begitu juga batal puasa jika mengubati atau merawat dengan melalui kawasan yang boleh menyampaikan ubat itu kepada rongga. Ini kerana ianya dilakukan dengan pilihannya sendiri.*<sup>25</sup>

- Jika suntikan itu dilakukan melalui otot-otot badan atau anggota badan yang lain seperti peha atau lengan maka ianya tidak membatalkan puasa.<sup>26</sup>

Berdasarkan resolusi yang dikeluarkan oleh Majma' al-Fiqh al-Islami 93 (1/10) pada 28 Jun sehingga 3 Julai 1997 telah memutuskan bahawa suntikan yang bersifat perubatan tidak akan membatalkan puasa sekiranya dilakukan secara suntikan ke bawah kulit, suntikan ke dalam otot atau suntikan ke dalam salur darah.<sup>27</sup> Dar al-Ifta' Mesir juga telah memfatwakan bahawa hukum suntikan insulin di bawah kulit pada siang hari bulan Ramadhan adalah tidak membatalkan puasa walaupun sampai ke rongga perut. Hal ini kerana, suntikan cairan tersebut tidak melalui rongga terbuka dengan cara kebiasaan.<sup>28</sup> Dalam isu ini, pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia disebutkan melalui "Buku Panduan Berpuasa Bagi Pesakit" terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Risalah tersebut menyatakan bahawa antara perkara yang tidak membatalkan puasa adalah "*Semua bentuk suntikan sama ada melalui lapisan kulit, otot, sendi atau salur darah*".<sup>29</sup>

## KESIMPULAN

Ilmu fiqh terus berkembang seiring dengan perkembangan teknologi, pemikiran dan cara hidup masyarakat. Perbahasan ilmu fikah khususnya *fiqh* Syafi'i terus relevan sehingga ke era ini dan akan datang. Para ulama berperanan menyampaikan ilmu ini kepada masyarakat mengikut *waqi'* pada sesuatu zaman tersebut. Berdasarkan sorotan sejarah perkembangan fiqh Syafi'i, kita dapati bahawa mazhab bermula dengan fasa periwayatan, kemudian diteruskan dengan fasa

<sup>24</sup> Al-Nawāwī, *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab*, (Kaherah: Idārah Al-Thibā'ah Al-Muniriāh, 1929) 6:320.

<sup>25</sup> Mansur Al-Buhūti, *Kassiyaf Al-Qina'an Matan Al-Iqna'*, (Saudi: Wizārah Al-'Adl) 2:318.

<sup>26</sup> Hasan bin Ahmad bin Muhammad Al-Kaff, *Al-Taqrīrāt Al-Sadīdah Fi Al-Masāil Al-Mufīdah Qism Al-'Ibadah*, (Yaman: Dārul Ilmi Wa Al-Da'wah) 452.

<sup>27</sup> Akademi Kebangsaan Fiqh Islami. Diakses daripada <https://iifa-aifi.org/ar/2009.html>

<sup>28</sup> Dār al-Iftā' Mesir. *Hukm Huqn Insulin Fi al-Ṣiyām*. Diakses daripada <https://www.daralifta.org/ar/fatawa/11317/%D8%AD%D9%82%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%86%D8%B3%D9%88%D9%84%D9%8A%D9%86-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%B5%D9%8A%D8%A7%D9%85>

<sup>29</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Panduan Berpuasa Bagi Pesakit. (2009) 6.

*tahrīr* (penapisan) pandangan-pandangan Imam Syafi'i, seterusnya berlaku fasa *ikhtisār* (meringkaskan) mazhab, disusuli dengan perkembangan melalui *syurūh* dan *hawāsyī* dan kini kembali kepada fasa meringkaskan dan menginovasi dalam penyusunan fakta-fakta mazhab sesuai dengan pemikiran masyarakat hari ini yang tertarik dengan maklumat secara bergambar, penerangan melalui video dan lain-lain.

Bertepatan dengan kaedah berfatwa (*dhawābit al-fatwa*) yang diletakkan oleh para ulama, Jabatan Mufti mesti hendaklah bergerak seiring dengan perubahan semasa agar fatwa yang dikeluarkan terus relevan dalam masyarakat. Justeru, pemilihan pandangan yang bersesuaian mesti mengambil kira pelbagai sudut. Dalam sesetengah masalah, para mufti boleh memilih pandangan yang *muqābil aṣah* atau *marjūh* dalam mazhab bagi memberikan penyelesaian kepada masalah umat. Melihat kepada keperluan semasa sesebuah masyarakat, maka ilmuan tanah air dan antarabangsa sentiasa membincangkan masalah-masalah baru yang timbul hasil daripada perkembangan teknologi pada hari ini, seterusnya mengeluarkan fatwa dan resolusi yang tepat dan sesuai dengan zaman ini yang menepati prinsip mazhab Syafi'i.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim, Tafsir Pimpinan al-Rahman, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abū Husayn Muslim bin Al-Hajjāj bin Muslim Al-Qusyairī Al-Nīsābūrī. *Sahīh Muslim*. Turki: Dar Al-Ṭibā'ah Al-'Amārah, 1915.
- Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawāwī. *Syarḥ al-Nawawī 'ala Muslim*. Beirut, Lubnan: Dār Iḥyā' Turath Al-'Arabiyy, 1972.
- Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadzdzab*. Amman, Jordan: Dar al-Fikr, 1928.
- Akademi Kebangsaan Fiqh Islami. Diakses daripada <https://iifa-aifi.org/ar/2009.html>.
- Akram Yusuf Muhammad al-Qawāsī, *al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, Jordan: Dar al-Nafāis, 2003.
- Al-Ansārī. Abū Yaḥya Zakariyya. *Asnā al-Maṭālib Syarḥ Rawḍ at-Ṭālib*. Dar al-Kutub al-Islamiyy, t.t.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāīl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyiq: Dar Ibn Kathir, Dar al-Yamamah, 1994.
- Dār al-Iftā' Mesir. Diakses daripada <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/11317/%D8%AD%D9%82%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A7%D9%86%D8%B3%D9%88%D9%84%D9%8A%D9%86-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%B5%D9%8A%D8%A7%D9%85>
- Dewan Bahasa & Pustaka diakses daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=milenium> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003.
- Hasan bin Ahmad bin Muhammad Al-Kaff, *Al-Taqrīrāt Al-Sadīdah Fi Al-Masāil Al-Mufīdah Qism Al-'Ibadah*. Yaman: Dārul Ilmi Wa Al-Da'wah.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Tahun 2002. Diakses daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-penetapan-harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-tahun-1443h-2022m/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Panduan Berpuasa Bagi Pesakit. (2009)
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Tahun 2002. Diakses daripada <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-hukum-sembahyang->

[jama-kerana-menjalani-rawatan-penyakit-penyakit-kronik-di-hospital-kerajaan-dan-swasta/](#)

Al-Malibārī, *Fathul Mu'īn bi Syarh Qurratu Al-'Ain bi Muhimmāt Al-Dīn*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2010.

Mansur Al-Buhūtī, *Kassyaf Al-Qina'an Matn Al-Iqna'*, Saudi: Wizārah Al-'Adl, t.t.

Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, Ismail bin Haji Yusof, Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Mastika Hadis*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, 2011.

Wahbah Al-Zuhaylī. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr, 1989.

Zayn al-Dīn Bin Ibrāhīm bin Muhammad Ibn Nujaym. *Al-Bahr al-Rāiq Syarh Kanz al-Daqāiq*. Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb al-Islāmī.

Zulkifli Muhammad al-Bakri. 2011. Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Dalam Mengeluarkan Fatwa. (Monograf al-Ifta' Siri 2) disunting oleh Hajah Wan Morsita Wan Sudin (eds.), 56-88. Selangor: JAKIM.